

UTM.J.03.12/11.13/3/7 JLD 11 (23)

16 Oktober 2023

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Tuan,

SEBUT HARGA : SHJ092023000096/ZON/06 (FKA)
TAJUK SEBUT HARGA : SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGUJI PERALATAN ICT UNTUK FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM, UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA, JOHOR BAHRU

Adalah saya di arah untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mempelawa syarikat Tuan untuk menghantar tawaran bagi sebut harga di atas.

3. Maklumat dan syarat sebut harga adalah seperti berikut:

- a) Tempoh pelawaan sebut harga : **16/10/2023 sehingga 30/10/2023.**
- b) Kod Bidang Kementerian Kewangan Malaysia : **210101 (sertakan salinan sijil)**
- c) Taraf Bumiputera : **TIDAK PERLU / PERLU (sila lampirkan salinan sijil)**
- d) Bayaran : **RM30.00 secara bayaran atas talian ke akaun CIMB (8006053536) atas nama Bendahari Universiti Teknologi Malaysia.**
- e) Naskah Sebut Harga boleh didapati di **Jabatan Bendahari Zon, Blok P02, Aras 2, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UTM, Johor Bahru, Johor.**
- f) Minta ambil perhatian kepada Syarat-Syarat Am dan Arahan Kepada Penyebutharga. Kembalikan dokumen berdasarkan **Senarai Semakan Bekalan/Perkhidmatan.**
- g) Tutup sebut harga : **30/10/2023, jam 12.00 tengahari.** Peti Sebut Harga **Jabatan Bendahari Zon Kewangan, Blok P02, Aras 2, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UTM, Johor Bahru, Johor.**

4. Sila maklumkan secara bertulis jika Tuan tidak dapat mengemukakan tawaran sebut harga. Sebut harga yang dihantar melalui fax tidak akan diterima.

5. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :-

Nama : **EN. MOHD KHALID BIN MOHAMED HABEER**
No. Telefon / Email : **016-3774777 / khalid@utm.my**

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



SITI HAJAR BINTI ABU BAKAR

Ketua Zon

Jabatan Bendahari Zon

UTM Johor Bahru

b/p. Bendahari

☎ : 07-5536331/07-5536329/07-5536330

s.k : **EN. MOHD KHALID BIN MOHAMED HABEER**
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM, UTM JOHOR BAHRU



NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai Sebut harga seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	TARAF	TARIKH DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL, TARIKH TUTUP SEBUT HARGA & NO. PETI SEBUT HARGA	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN & SEBUT HARGA DIJUAL	KELAS DAN GRED PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)	BAYARAN DOKUMEN
SHJ092023000096/ ZON/06 (FKA)	Sebutharga Bagi Membekal, Menghantar, Memasang dan Menguji Peralatan ICT Untuk Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru	Bumiputera	Tarikh Jual Sebut Harga : 16 Oktober 2023 hingga 30 Oktober 2023 No. Peti Sebut Harga : Satu (2) Jabatan Bendahari Zon Blok P02, Aras 2, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UTM 81310 Johor Bahru, Johor	Waktu pejabat : Ahad - Rabu 9.00 pagi – 12.30 tengahari 2.15 petang – 4.00 petang Khamis 9.00 pagi – 3.00 petang Tempat Jual Sebut Harga : Jabatan Bendahari Zon Blok P02, Aras 2, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UTM 81310 Johor Bahru, Johor	210101	*Bayaran RM30 secara atas talian No akaun CIMB (8006053536) atas nama "Bendahari Universiti Teknologi Malaysia " Sila catatkan nombor sebut harga sebagai rujukan

2. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dengan mengemukakan bukti bayaran secara atas talian sahaja (tidak dikembalikan) atas nama **Bendahari, Universiti Teknologi Malaysia**. Penyebutarga hendaklah membawa bersama **Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing yang ditandatangani oleh penama di Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, salinan fotostat Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (jika berkenaan) semasa membeli dokumen tawaran.**
3. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri bertanda **No Sebut Harga SHJ092023000096/ZON/06 (FKA)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang terletak di Jabatan Bendahari Zon, Blok P02, Aras 2, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UTM Johor Bahru tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu **30 Oktober 2023 (Isnin)** sebelum atau pada jam 12.00 tengahari. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan.**
4. Pesebut harga juga dibenarkan untuk mengemukakan dokumen tawaran melalui pos berdaftar ataupun kurier ke alamat **Jabatan Bendahari Zon, Blok P02, Aras 2, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, 81310 UTM Johor Bahru**. Dokumen tawaran pesebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui pos berdaftar ataupun kurier.

Iklan Sebut harga UTM juga boleh dilihat di pautan:

i) <https://myprocurement.treasury.gov.my>

ii) <https://ecommerce.utm.my/>